



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Prasarana-UKM

Rujukan : UKM JPP/151/3
Tarikh : 07 Julai 2017

Semua
Pegawai dan Staf
Prasarana UKM

Tuan/Puan,

Keperluan Keselamatan Memasuki Tapak Kerja


- Kad Hijau CIDB

Dengan hormatnya merujuk perkara tersebut di atas, seperti tuan/puan maklum, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia melalui Akta 520 telah menetapkan seseorang yang pekerja yang perlu bekerja di tapak binaan atau penyelenggaraan perlu mendaftar dan mempunyai Kad Hijau CIDB. Ini bertujuan bagi memastikan mereka telah diberi pendedahan mengenai keselamatan di kawasan tapak binaan dan juga perlindungan insuran.

Sehubungan ini, Mesyuarat Pengurusan Prasarana Bil 3/2017 telah memutuskan supaya semua Pegawai dan Staf Prasarana yang terlibat dengan melaksana, memantau dan menyelia di kawasan tapak pembinaan atau kerja perlu mendaftar dan memperbaharui Kad Hijau CIDB pada setiap tahun. Urusan pendaftaran dan pembaharuan Kad Hijau CIDB adalah tanggungjawab setiap individu dan perlu dibuat kepada pejabat CIDB. Kos bayaran yuran tahunan sebanyak RM 50.00 setahun boleh dibuat tuntutan bayaran balik daripada Universiti.

Oleh kerana syarat keperluan Kad Hijau CIDB penting bagi menjaga keselamatan kerja maka keperluan pendaftaran Kad Hijau yang aktif akan dijadikan salah satu KPI di bawah kategori Keefisyenian Dalaman di dalam Sistem Penilaian Prestasi Universiti tahunan setiap pegawai dan staf teknikal terlibat. Ini bertujuan bagi memastikan semua Pegawai dan staf yang terlibat dengan kerja di tapak pembinaan mempunyai Kad Hijau yang sah dan dilindungi insuran.

Kerjasama dan keperihatinan tuan/puan dalam aspek keperluan keselamatan di tempat kerja ini amat dihargai.



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Prasarana-UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia


Telefon: +603-8921 5045 Faksimili: +603-8921 5051 E-mel: pgjhpp@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/jpp>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my

Sekian, perhatian dan tindakan tuan/puan, terima kasih.

Yang Benar



PROF. MADYA IR. DR. OTHMAN JAAFAR
Pengarah Prasarana-UKM

s.k. Timbalan Pengarah
Pembangunan & Inovasi, Prasarana UKM

Timbalan Pengarah
Penyelenggaraan & Operasi, Prasarana UKM

Semua Ketua Unit, Prasarana UKM

(Mohon dibuat pemantauan dan penyelerasan bagi memastikan semua pegawai dan staf unit yang terlibat dengan kerja di tapak kerja mempunyai Kad Hijau yang sah, terima kasih)



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

Prasarana-UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Telefon: +603-8921 5045 Faksimili: +603-8921 5051 E-mel: pghjpp@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/jpp>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my